

14 FEB 2001  
Sabah-Mandat

PENGGILIRAN KETUA MENTERI: UMNO SABAH BERI MANDAT KEPADA MAHATHIR

PUTRAJAYA, 14 Feb (Bernama) -- Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam berkata Umno negeri itu memberikan mandat kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membuat keputusan berhubung sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah.

"Kita beri mandat kepada PM untuk memutuskan perkara ini," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri di pejabatnya di sini hari ini.

Osu, yang juga Ketua Badan Perhubungan Umno Sabah dan pengerusi BN Sabah, ialah pemimpin parti komponen BN dari Sabah yang terakhir mengadakan pertemuan secara berasingan dengan Dr Mahathir hari ini.

Pemimpin lain yang bertemu Perdana Menteri ialah Presiden SAPP Datuk Yong Teck Lee, Presiden UPKO Tan Sri Bernard Dompok, Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) Tan Sri Joseph Kurup, Presiden Akar Datuk Pandikar Amin Mulia dan Presiden LDP Datuk Chong Kah Kiat.

Ketika ditanya sama ada pemuafakatan dicapai mengenai isu penggiliran jawatan Ketua Menteri, Osu berkata perkara itu perlu ditanya kepada Perdana Menteri.

Ditanya lagi bila Perdana Menteri dijangka membuat pengumuman mengenai perkara itu, beliau berkata: "Kena tanya Pmlah".

Osu berkata, beliau dan Dr Mahathir bercakap mengenai hal-hal pentadbiran dan lawatan Perdana Menteri ke Sabah baru-baru ini.

Sistem penggiliran Ketua Menteri Sabah diperkenalkan pada 1994 bagi mewujudkan kestabilan politik Sabah dengan menggilirkan jawatan Ketua Menteri di kalangan tiga kaum utama setiap dua tahun.

Ia didahului dengan kuota Bumiputera Islam dengan penyandangannya Tun Sakaran Dandai (sekarang Yang Dipertua Negeri) dan Datuk Salleh Tun Said, kemudian Cina (Datuk Yong Teck Lee) dan bumiputera bukan Islam (Tan Sri Bernard Dompok).

Selepas pilihan raya negeri pada 1999, sistem itu diteruskan dan Osu dilantik sebagai Ketua Menteri sehingga hari ini dan tempohnya tamat pertengahan Mac ini.

Ada beberapa pihak di Sabah dilaporkan mencadangkan agar sistem itu dimansuhkan tetapi ada juga yang mahu ia diteruskan.

Pemimpin parti komponen BN lain dari Sabah enggan mengulas.

-- BERNAMA

MAM AFY AZZ MAI